

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
KAWASAN : MERSING

SOALAN :

YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian Kerja Raya bersedia untuk menurap dan menambah baik jalan raya jajaran persekutuan Kota Tinggi - Kuantan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan 03 atau FT03. Jumlah panjang jalan ini dalam Daerah Mersing adalah **86.3km** iaitu Jalan Johor Bahru – Endau. Bagi kerja penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen, jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk laluan tersebut adalah sebanyak **RM1.35juta** bagi tahun **2016**, **RM0.6juta** bagi tahun **2017**, **RM1.1juta** bagi tahun **2018** dan **RM0.3juta** bagi tahun **2019**. Perincian peruntukan yang telah diluluskan adalah seperti jadual di bawah:

SKOP PENYENGGARAAN	TAHUN				JUMLAH (RM)
	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 Sehingga Ogos (RM)	
BERKALA PAVEMEN	1,000,000.00	600,000.00	400,000.00	-	2,000,000.00
BERKALA BUKAN PAVEMEN	350,000.00	-	700,000.00	300,000.00	1,350,000.00
JUMLAH	1,350,000.00	600,000.00	1,100,000.00	300,000.00	3,350,000.00

Setiap tahun Kementerian Kerja Raya akan menyediakan program di bawah penyenggaraan berkala untuk menambah baik keadaan jalan Persekutuan dari semasa ke semasa mengikut keutamaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program penyenggaraan berkala ini adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi permohonan menaiktaraf laluan FT03, Kementerian ini telah pun mengangkat permohonan beberapa projek melibatkan laluan FT03 di dalam tempoh Rolling Plan 1 (RP1), RMKe-11 iaitu seperti berikut:

1. Projek Menaiktaraf Jalan Batu Pahat - Mersing di Laluan FT03, Daerah Mersing, Johor; dan
2. Projek Menaiktaraf Jalan Pekan - Nenasi - Endau Rompin (FT03).

Walau bagaimanapun, ia tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat dalam tempoh tersebut. Justeru itu, Kementerian ini bersedia untuk menyenaraikan semula projek- projek ini di dalam pelaksanaan Rolling Plan yang akan datang sekiranya memenuhi keperluan teknikal dan tersenarai dalam projek keutamaan negeri Johor untuk dinaiktaraf kelak.

Sekian, terima kasih.